

DAMAI

tidak datang dari senjata

VATIKAN: "Tidak bersenjata dan melucutkan senjata," dengan kata-kata itu, pada senja Mei 8, 2025, bermulalah kepausan Sri Paus Leo XIV yang menggambarkan visinya tentang perdamaian. Menurut beliau, damai sejati bukan sekadar keheningan senjata hasil gencatan senjata semata-mata.

Dalam mesej Hari Krismasnya tahun lalu, prelatus itu menjelaskan bahawa keamanan yang dibina hanya berdasarkan perjanjian geopolitik yang rapuh tidak mampu menyembuhkan hati manusia sepenuhnya.

Sri Paus mengingatkan bahawa keadaan itu boleh menyebabkan manusia kehilangan semangat untuk bertindak balas terhadap penderitaan dan ketidakadilan.

Keletihan jiwa seperti itu, katanya, mampu meresap ke dalam hati manusia sehingga kata-kata tentang perdamaian menjadi kosong dan tidak lagi bermakna.

Semasa pemberkatan *Urbi et Orbi* pada Disember 25, Sri Paus Leo XIV menggunakan gambaran "damai liar" yang diinspirasi

oleh penyair Yehuda Amichai — satu perdamaian yang muncul secara tiba-tiba seperti bunga liar yang tumbuh di celah konkrit.

Beliau berdoa agar damai seperti itu hadir di dunia kerana manusia amat memerlukan-nya.

Sepanjang tahun pertama pontifikatnya, perkataan "damai" disebut lebih 400 kali dalam ucapan dan amanat Sri Paus.

Seruan itu merangkumi pelbagai situasi dan kelompok masyarakat, termasuk para wartawan yang menurut beliau berada "di barisan hadapan" dalam melaporkan peperangan serta usaha perdamaian.

Sri Paus menggesa media supaya menggunakan komunikasi yang mampu membawa manusia keluar daripada "Menara Babel" moden — dunia yang dipenuhi bahasa kebencian, ideologi sempit dan perpecahan politik.

Beliau turut menegaskan bahawa damai bukan sesuatu yang naif. Oleh itu, para "penguasa perang" tidak boleh berpura-pura tidak mengetahui bahawa kemusnahan boleh berlaku dalam sekelip mata, sedangkan proses membina semula kehidupan manusia memerlukan masa yang sangat panjang.

Sri Paus juga mengkritik hakikat bahawa berbilion dolar dibelanjakan untuk membunuh dan memusnahkan, sedangkan dana untuk menyembuhkan, mendidik dan mengangkat martabat manusia sering dianggap tidak mencukupi.

Dalam pertemuan bersama agensi bantuan Gereja Timur (ROACO), beliau menyuarakan kebimbangan bahawa wang yang sepatutnya digunakan untuk membina hospital dan sekolah kini digunakan untuk memusnahkan apa yang telah tersedia.

Mesej damai Sri Paus Leo XIV turut merentasi pelbagai wilayah dunia, termasuk Afrika. Dalam pertemuan di Katedral St Joseph di Bamenda, Cameroon, beliau sekali lagi menyeru umat kepada rekonsiliasi dan perdamaian bersama komuniti tempatan.

Menurut Sri Paus, peperangan sentiasa meninggalkan penderitaan besar kepada manusia, terutama mereka yang hidup dalam keputusan, air mata dan kesengsaraan.

Seruan itu turut disampaikan ketika beliau berucap di ibu pejabat Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) di Roma mengenai kesan peperangan terhadap kelaparan dunia.

Sepanjang Minggu Suci, Sri Paus terus mengulangi bahawa tiada siapa boleh menggunakan nama Tuhan untuk membenarkan peperangan. Pada hari Minggu Palma, beliau mengingatkan bahawa Tuhan menolak doa mereka yang menumpahkan darah manusia.

Beliau juga menegaskan bahawa peperangan sering berpunca daripada penyembahan terhadap kuasa, wang dan kepentingan diri sehingga manusia menjadikan kuasa sebagai "berhala bisu, buta dan pekak."

Dalam pelbagai amanatnya, Sri Paus Leo XIV turut menggambarkan damai sebagai satu perjalanan rohani yang memerlukan kelembutan hati dan keterbukaan kepada kasih Tuhan.

Ketika berada di Lubnan, beliau menyifatkan perdamaian seperti satu gerakan batin yang mengalir keluar daripada kasih ilahi.

Tema Hari Keamanan Sedunia ke-59 yang dipilih Sri Paus ialah "Menuju Perdamaian yang Tidak Bersenjata dan Melucutkan Senjata."

Manakala semasa Vigil Maria untuk perdamaian pada Oktober 2025, Sri Paus menyeru para pemimpin dunia supaya "meletakkan pedang" dan mempunyai keberanian untuk melucutkan senjata. **Media Vatikan**

Doa untuk Konvensyen Pastoral Malaysia 2026 (MPC2026)

Tuhan,
Engkau memanggil kami
untuk berjalan bersama sebagai umat-Mu,
ditarik ke dalam kehidupan persekutuan
Bapa, Putera, dan Roh Kudus.

Bimbinglah kami semasa kami bersiap
untuk Konvensyen Pastoral Malaysia 2026.
Ajarlah kami untuk mendengar dengan
mendalam, untuk menilai dengan setia,
dan untuk mempercayai ke mana
Engkau memimpin kami.

Kami menyerahkan di hadapan-Mu
empat aspek yang sedang kami

pertimbangkan bersama.

Berkatilah keluarga kami,
agar mereka menjadi tempat cinta,
iman, pengampunan, dan harapan.

Perbaharuilah Gereja kami,
agar kami dapat berkembang dalam
persekutuan, penyertaan, dan saksi yang
penuh kegembiraan kepada Injil.

Bukalah hati kami kepada jeritan ciptaan,
agar kami dapat menjaga bumi
dengan rasa hormat, tanggungjawab,
dan kesyukuran.

Bimbinglah kehidupan kami dalam
komuniti, agar kami dapat mencari
keadilan, mempromosikan keamanan,
dan berdiri dalam solidariti dengan yang
miskin dan yang terpinggir.

Ketika jalan pastoral lahir
daripada pertimbangan kami, semoga ia
memperkaya dan menguatkan komuniti
iman tempatan kami.

Dengan Maria, Bonda Gereja,
yang merenungkan Firman-Mu dan
berjalan dalam iman, ajarilah kami untuk
berjalan bersama dalam harapan.

Kekalkan kami agar terus berakar
dalam Kristus, penuh perhatian
terhadap satu sama lain,
dan terbuka kepada
karya Roh Kudus-Mu.

Semoga Konvensyen ini
membantu kami hidup dengan lebih setia
sebagai satu Gereja Katolik Malaysia,
melayani di tanah yang kami cintai ini.

Melalui Kristus Tuhan kita.
Amin

(terjemahan-HERALD)

Thomas Merton pernah berkata bahawa apa yang paling ditakutinya dalam hidup bukanlah satu pengkhianatan besar terhadap panggilannya, tetapi pengkhianatan-pengkhianatan kecil yang perlahan-lahan membawa kepada kematian jiwa yang senyap.

Dan itulah juga ketakutan yang saya rasakan — terhadap diri saya sendiri dan terhadap budaya moden hari ini.

Enam puluh tahun lalu, Kay Cronin menulis sebuah buku berjudul *Cross in the Wilderness* yang mengisahkan bagaimana pada tahun 1847, sekumpulan kecil mubaligh *Oblate Missionaries of Mary Immaculate* datang dari Perancis ke wilayah Pasifik Barat Laut Amerika.

Setelah mengalami pelbagai kegagalan pahit di Washington dan Oregon, mereka bergerak ke utara menuju Kanada dan membantu mendirikan Keuskupan Agung Katolik Roma di Vancouver serta mengembangkan Gereja Katolik di sebahagian wilayah besar British Columbia.

Beliau menggambarkan para misionari ini — walaupun mungkin dengan sedikit gambaran yang terlalu idealistik — sebagai lelaki yang tabah, sepenuhnya berdedikasi dan langsung tidak memikirkan keselesaan atau kesihatan diri sendiri.

Mereka meninggalkan Perancis ketika masih muda, sadar bahawa mereka mungkin tidak akan bertemu lagi dengan keluarga tercinta, dan menerima hakikat bahawa hidup mereka sentiasa berada dalam bahaya — sama ada akibat cuaca ekstrem di kawasan pedalaman, cabaran daripada suku asli tempatan, mahupun tekanan daripada tentera upahan dan pihak pemerintah yang mencurigai mereka.

Mereka berkali-kali diugut, dihalau dari pusat misi, ada yang diculik untuk suatu tempoh, malah beberapa rumah dan pusat misi mereka dibakar.

Kehidupan mereka sentiasa berada di ambang bahaya — tidak pernah benar-benar aman atau bebas daripada ancaman.

Mereka juga hidup tanpa banyak keselesaan asas. Mereka tinggal di pondok kayu atau rumah lumpur, dan makan sekadar apa yang ada.

Takut kehilangan keselesaan

Mereka hampir tidak mempunyai akses kepada doktor, kurang kemudahan kebersihan, dan ketika mengembara, sering tidur di luar tanpa perlindungan yang sesuai daripada hujan dan kesejukan.

Keadaan itu menyebabkan ramai daripada mereka menghidap penyakit seperti reumatik pada usia muda.

Mereka juga tidak sempat membina kehidupan yang stabil, tidak mempunyai tempat untuk benar-benar “berakar”, atau sahabat-sahabat yang dapat menjadi sumber kekuatan dan penghiburan. Mereka hanya mempunyai iman kepada Tuhan dan sokongan antara satu sama lain.

Namun demikian, mereka mampu menghadapi semuanya tanpa terlalu mengasihani diri sendiri atau banyak mengeluh. Mereka menulis surat-surat yang penuh harapan kepada rumah induk mereka di Perancis dan kepada keluarga masing-masing.

Dalam jurnal mereka, lebih banyak tercatat kegembiraan atas kejayaan kecil dalam pelayanan berbanding rungutan tentang rumah yang serba kekurangan, makanan yang buruk, atau hidup yang tidak menentu.

Sebagai seorang misionari Oblate dan anggota keluarga religius yang sama, saya berasa bangga terhadap apa yang telah mereka lakukan — dan sememangnya mereka layak dihormati. Mereka menyerahkan diri tanpa syarat demi pelayanan, bahkan hingga ke tahap mengorbankan nyawa sendiri.

Namun pada masa yang sama, kisah mereka juga sangat merendahkan hati. Pengorbanan mereka yang begitu radikal menjadi cermin yang membuat saya memandang diri sendiri dengan rasa gentar dan malu.

Saya melihat terlalu banyak keterikatan terhadap keselesaan dan keselamatan dalam hidup saya sendiri. Saya tidak mahu hidup seperti mereka.

Saya mahukan makanan yang sihat, air bersih, kebersihan yang baik, rehat yang mencukupi, akses kepada doktor yang baik, berita



dan maklumat, peluang untuk mengembara, hubungan tetap dengan keluarga dan sahabat, masa untuk retret dan percutian, peluang pendidikan berterusan, dan lebih daripada itu — saya mahu hidup dalam keadaan selamat.

Saya mahu menjadi seorang mubaligh yang baik, tetapi saya juga mahu selesa dan aman.

Saya sedikit terhibur dengan hakikat bahawa dunia hari ini sangat berbeza daripada zaman para misionari Perancis itu tiba di Pasifik Barat Laut.

Saya mungkin tidak mampu melakukan pelayanan saya hari ini untuk tempoh yang lama tanpa tempat tinggal yang baik, makanan yang mencukupi, kebersihan, pendidikan, akses kepada maklumat, rehat yang cukup dan ruang rekreasi yang sihat.

Kehidupan dan pelayanan saya adalah satu perjalanan panjang, bukan perlumbaan singkat, dan menjaga diri dengan baik juga merupakan satu kebijaksanaan, bukan kelemahan.

Namun begitu, sangat mudah untuk manusia mula memberi alasan kepada diri sendiri lalu perlahan-lahan menjadi terlalu selesa dengan kesenangan dan keselamatan.

Sto Paulus pernah menulis bahawa beliau belajar menerima apa sahaja keadaan

hidupnya — sama ada banyak atau sedikit. Saya juga ingin percaya perkara itu tentang diri saya sendiri.

Tetapi hakikatnya, bagi kebanyakan daripada kita, semakin kita hidup dalam kesenangan, semakin kita cenderung melindungi diri dalam “kepompong” itu.

Sebagai anak-anak kepada budaya moden ini, saya percaya kita mudah menjadi ketagih kepada keselesaan dan keselamatan.

Setelah terbiasa dengan hidup yang selamat, makanan yang baik, air bersih, kebersihan yang sempurna, doktor dan ubat yang berkualiti, hiburan tanpa henti, maklumat segera, hubungan tetap dengan orang tersayang, peluang pendidikan dan rekreasi yang luas, serta pelbagai bentuk keselesaan hidup — kita mungkin mendapati diri sukar, atau langsung tidak sanggup, melepaskan semua itu.

Akhirnya, kita mungkin menjadi orang yang baik — tanpa pengkhianatan besar dalam hidup — tetapi juga tanpa pengorbanan besar. Kita menjadi baik, tetapi tidak luar biasa; sekadar mengagumi keberanian dan kekudusan orang lain dari kerusi empuk yang nyaman dan selamat. **Fr Ron Rolheiser @ Hakipta Terpelihara 1999-2026**

Datanglah Roh Kudus!

Hari Pentakosta sering disebut sebagai “hari lahir Gereja.” Pada hari inilah Roh Kudus turun ke atas para rasul yang sebelumnya hidup dalam ketakutan, lalu mengubah mereka menjadi saksi Kristus yang berani.

Dalam Injil hari ini, para murid berkumpul di dalam sebuah bilik dengan pintu yang tertutup rapat kerana takut. Mereka kecewa, bingung dan tidak tahu apa yang harus dilakukan selepas kematian Yesus.

Namun di tengah ketakutan itu, Yesus datang dan berdiri di tengah-tengah mereka

sambil berkata, “Damai sejahtera bagi kamu.”

Kata-kata itu sangat penting. Sebelum Roh Kudus diutus, Yesus terlebih dahulu memberikan damai. Ini kerana hati yang dipenuhi ketakutan sukar mendengar suara Tuhan. Roh Kudus tidak datang untuk menambah kekecohan dalam hidup manusia, tetapi membawa damai, keberanian dan harapan baru.

Kemudian Yesus menghembusi para murid dan berkata, “Terimalah Roh Kudus.” Hembusan itu mengingatkan kita kepada

saat Tuhan menciptakan manusia dalam kitab Kejadian — Tuhan menghembuskan nafas kehidupan. Ini bererti Roh Kudus memberi kehidupan baru kepada Gereja dan kepada setiap orang percaya.

Dalam bacaan pertama pula, kita mendengar bagaimana Roh Kudus turun seperti tiupan angin kuat dan lidah-lidah api.

Para rasul mula berbicara dalam pelbagai bahasa, dan orang dari pelbagai bangsa dapat memahami mereka.

Mukjizat Pentakosta bukan sekadar para rasul mampu bercakap dalam bahasa asing, tetapi Roh Kudus mempersatukan manusia yang berbeza budaya, bangsa dan latar belakang.

Dunia hari ini juga dipenuhi “bahasa” yang memecahkan manusia — bahasa kebencian, penghinaan, fitnah dan kemarahan.

Media sosial sering menjadi tempat manusia saling melukai. Bahkan dalam keluarga, kadang-kadang kita tinggal serumah tetapi tidak lagi saling memahami.

Pentakosta mengingatkan kita bahawa Roh Kudus mampu mengubah bahasa kebencian menjadi bahasa kasih, pengampunan dan perdamaian.

Dalam surat 1 Korintus, Santo Paulus mengingatkan bahawa setiap orang menerima karunia yang berbeza, tetapi semuanya berasal daripada Roh yang sama.

Tidak semua dipanggil menjadi pemimpin, penceramah atau penyanyi koir. Ada yang dipanggil melayani secara diam — menjadi ibu bapa yang setia, guru yang sabar, sahabat yang mendengar, atau umat yang

HARI MINGGU PENTAKOSTA

**KISAH PARA RASUL 2: 1-11;
1 KORINTUS 12: 3-7, 12-13,
INJIL YOHANES 20: 19-23**

rajin membantu tanpa dikenali.

Kadang-kadang kita berasa diri tidak penting dalam Gereja. Kita melihat orang lain lebih berbakat, lebih aktif atau lebih suci. Namun Santo Paulus menegaskan bahawa Gereja ialah satu tubuh. Setiap anggota mempunyai peranan tersendiri. Mata tidak boleh berkata kepada tangan, “Aku tidak memerlukan engkau.” Dalam Gereja, tidak ada pelayanan yang terlalu kecil apabila dilakukan dengan kasih.

Pentakosta juga mengajak kita bertanya: adakah kita sungguh memberi ruang kepada Roh Kudus untuk bekerja dalam hidup kita? Kadang-kadang kita mahu Tuhan hadir, tetapi kita tidak mahu berubah. Kita mahu damai, tetapi masih menyimpan dendam. Kita mahu dipenuhi Roh Kudus, tetapi hati masih penuh kebencian, iri hati dan ego.

Roh Kudus bukan sekadar “perasaan rohani” yang muncul sewaktu doa atau nyanyian. Roh Kudus nyata apabila seseorang mula berani mengampuni, mula bercakap dengan lembut, mula kembali berdoa, mula setia kepada keluarga, dan mula memilih kebaikan walaupun sukar.

Hari ini, marilah kita membuka hati kepada Roh Kudus. Pentakosta mengingatkan kita bahawa Tuhan belum selesai bekerja dalam hidup kita. Roh Kudus masih mampu membaharui hati manusia. **Fr Adrianus Bellarmino, OP**



Kasih dan pelayanan jadi teras ulang tahun imamat Fr Roney

KUALA PENYU: “Bagi saya, kepaderian bukan sekadar cita-cita, tetapi panggilan hidup. Tuhan melihat dan menetapkan dalam diri saya satu keperibadian untuk melayani sebagai seorang paderi,” kata Fr Roney Mailap yang menyambut ulang tahun imamat ke-14 di Gereja St Peter, Kuala Penyu.

Pada Mei 10, paroki Kuala Penyu menyambut tiga perayaan serentak iaitu perayaan kesyukuran ulang tahun pentahbisan imamat ke-14, majlis perpisahan dengan seminarian Larry Misol dan sambutan Hari Ibu.

Perayaan itu dimulakan dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr Roney dan Fr Paul Mikin.

Dalam homilinya, Fr Roney Mailap menjelaskan tentang Perintah Kasih yang diajarkan oleh Yesus. Menurut beliau, kasih yang dibawa oleh Yesus mempunyai makna yang sangat mendalam kerana kasih bukan sekadar ungkapan rohani, tetapi menuntut perjuangan, pengorbanan dan kesediaan untuk melayani sesama manusia.

Semasa sesi ucapan, Jaffrey Singli selaku Pengerusi Majlis Pastoral Paroki (MPP)



merakamkan penghargaan atas kehadiran serta kerjasama semua pihak yang telah menjayakan program tersebut.

Beliau turut menyampaikan pesanan sempena Hari Ibu agar umat sentiasa menghormati, menjaga dan menghargai pengorbanan para ibu yang telah melahirkan serta membesarkan anak-anak dengan penuh kasih dan pengorbanan.

Seminarian Larry Misol yang memulakan pelayanannya pada Januari 4 lalu, mengungkapkan kesyukuran kerana diberi pelu-

ang melayani di paroki ini.

Seminarian itu juga menyatakan bahawa masa pelayanannya terasa singkat kerana setiap masa diisi dengan pelbagai aktiviti. Segala tunjuk ajar, perkongsian, kebersamaan dan pengalaman yang dilalui akan membantunya terus berkembang dalam perjalanan menjadi seorang paderi.

Fr Roney Mailap dalam ucapannya menyatakan bahawa Tuhanlah yang menjadikan kepaderian ini hidup kerana Kristus hidup dalam dirinya.

Menjadi seorang paderi tidak pernah terlintas dalam fikiran Fr Roney Mailap. Namun, Tuhan melihat dan meneguhkan panggilan kepaderian dalam dirinya sehingga beliau akhirnya ditahbiskan pada April 28, 2012 di paroki St Anthony, Tenom, oleh Uskup Cornelius Piong, yang juga menjadi antara pendorong utama dalam perjalanan panggilannya sebagai imam.

Fr Roney yang sering memberikan motivasi dan inspirasi kepada umat khususnya beliau, berharap pelayanan yang diberikan dapat menguatkan iman dan kebijaksanaan Ilahi kepada umat paroki.

Beliau juga turut menerangkan dan melancarkan ‘Pledge Donation’ RM100 bagi satu keluarga yang bertujuan mengumpul dana khas bagi pemasangan penghawa dingin dalam Gereja setelah mengambil kira keadaan dalam gereja yang agak panas dan kurang selesa.

Sebelum berakhirnya Misa pada pagi itu, para ibu diraikan dengan sebuah lagu ‘Kasih Ibu’ yang dinyanyikan oleh koir. Seterusnya, sambutan kesyukuran diteruskan di dewan paroki dengan pelbagai aktiviti. **Stella Eming Dydimus**

Keibubapaan perlu kehadiran, bukan material

PULAU PINANG: Keibubapaan pada masa kini sangat berbeza daripada cara ramai ibu bapa dibesarkan dahulu.

Jika suatu ketika dahulu disiplin sering dikaitkan dengan rotan, hari ini pendekatan keibubapaan lebih menekankan komunikasi, pemahaman serta memberi ruang kepada anak-anak untuk belajar berfikir secara matang.

Perubahan cara mendidik anak-anak ini dibincangkan dalam ceramah bertajuk *Parenting 101* yang dianjurkan oleh Komiti Pelayanan Kehidupan Keluarga di Dewan St Faustina, Gereja Kerahiman Ilahi (CDM) baru-baru ini.

Sesi tersebut dikendalikan oleh kaunselor berdaftar merangkap umat CDM, Alphonsus Ng, serta dihadiri oleh ibu bapa.

Alphonsus berkata keibubapaan merupakan perjalanan yang sentiasa mengajar seseorang untuk terus belajar dan menyesuaikan diri, tanpa panduan yang benar-benar sempurna.

Menurut beliau, peranan sebagai ibu bapa tetap berterusan walaupun anak-anak telah meningkat dewasa. Beliau juga mengajak para peserta mengimbau kembali satu kenangan manis semasa zaman kanak-kanak mereka. Walaupun ada yang masih mengingati pengalaman indah bersama keluarga, ada juga yang sukar mengenang sebarang kenangan bermakna meskipun mereka masih mengingati ibu bapa sendiri.

Menurutnya, situasi itu sering ditemui dalam sesi kaunseling bersama para pelajar, terutama mereka yang datang daripada keluarga yang retak atau kurang keakraban emosi.

Tambahnya, kenangan memainkan peranan besar dalam membentuk identiti, hubungan dan kesejahteraan emosi seseorang. Pengalaman masa kecil, sama ada bahagia mahupun menyakitkan, sering meninggalkan kesan mendalam hingga ke alam dewasa.

Berdasarkan pengalaman membesarkan tiga orang anak sepanjang 35 tahun perkahwinannya, Alphonsus menjelaskan bahawa kenangan yang kabur atau tidak wujud mungkin menunjukkan kurangnya hubungan yang bermakna dalam keluarga, atau pengalaman pahit yang dipendam. Malah perkara kecil semasa kecil seperti cara disiplin diterapkan atau nilai yang diajar di rumah boleh mempengaruhi sikap seseorang apabila dewasa.

Alphonsus mengingatkan bahawa Kitab Suci sendiri menekankan pentingnya kenangan, seperti dalam perumpamaan Anak yang Hilang, apabila ingatan menjadi titik perubahan menuju pertobatan dan pendamaian. Beliau menggalakkan ibu bapa supaya dengan sengaja mencipta pengalaman positif dan bermakna untuk anak-anak.

Alphonsus mengingatkan bahawa hubungan erat dalam keluarga tidak dapat diganti dengan pemberian material.

Tindakan sederhana seperti mendengar, memberi sokongan dan hadir ketika anak memerlukan mampu meninggalkan kesan mendalam.

Beliau turut menggalakkan ibu bapa berkongsi kisah hidup dan cabaran keluarga agar anak-anak lebih matang serta menghargai pengorbanan ibu bapa. “Hadiah terbesar yang boleh ditinggalkan kepada anak-anak ialah kenangan tentang diri kita,” katanya sambil menekankan pentingnya membina “bank kenangan” melalui pengalaman bersama yang bermakna.

Menurutnya, disiplin juga harus lahir daripada kasih dan demi kebaikan anak-anak. Dalam sesi soal jawab, peserta turut menyentuh isu kesihatan mental remaja dan cabaran emosi pada usia awal remaja.

Sesi tersebut diakhiri dengan doa agar setiap keluarga menjadi tempat yang dipenuhi kasih, iman dan kenangan indah yang membawa anak-anak semakin dekat kepada Tuhan.

Kaamatan di SHC cerminan kasih dan kebersamaan

KOTA KINABALU: Perayaan Pesta Kaamatan peringkat paroki Katedral Hati Kudus telah berlangsung dalam suasana penuh sukacita, menampilkan kekayaan budaya serta semangat kebersamaan yang erat dalam kasih Kristus pada Mei 4 lalu.

Perayaan tersebut menghimpunkan umat dalam satu suasana meriah yang dipenuhi rasa syukur, persaudaraan dan penghargaan terhadap warisan budaya tempatan.

Keindahan pakaian tradisional, alunan gong yang bergema serta kemeriahan persembahan budaya turut menyerikan sambutan tersebut.

Dengan tema, “Kaamatan Membudayakan Kesyukuran, Kasih dan Kesejahteraan Alam”, umat diajak untuk terus memelihara warisan budaya sambil menghidupi iman Kristian dengan hati yang penuh syukur serta cinta terhadap sesama dan alam ciptaan Tuhan.

Pesta Kaamatan dimulakan dengan perayaan Ekaristi yang dipimpin oleh Msgr Nicholas Stephen bersama para paderi SHC.

Dalam homilinya, Msgr Nik mengatakan semangat Kaamatan mengajar umat untuk hidup dalam kesyukuran atas berkat Tuhan, menghargai alam ciptaan serta memelihara keharmonian dalam komuniti.

“Sebagai umat Kristian, kita dipanggil untuk bukan sahaja untuk memelihara budaya, tetapi juga menghidupi nilai kasih, perpaduan dan pelayanan dalam kehidupan harian,” katanya.

Dalam semangat Kaamatan, umat diajak untuk terus menghargai identiti budaya sambil mengekalkan Kristus sebagai pusat kehidupan dan persaudaraan.

Pihak penganjur merakamkan penghargaan kepada semua komiti, umat dan peserta yang telah menjayakan perayaan itu dengan penuh dedikasi dan semangat pelayanan.



Sahabat kecil Yesus

Hello anak-anak,

Apa khabar? Pada hari Minggu ini, kita merayakan hari Pentakosta.

Pada hari Pentakosta kita diingatkan peristiwa dua ribu tahun lalu, apabila para murid Yesus berkumpul bersama-sama dalam sebuah rumah. Mereka dalam keadaan takut dan

Roh Kudus turun ke atas mereka. Mereka menerima Roh Kudus, mereka menjadi gembira dan penuh sukacita.

Anak-anak, hari Pentakosta juga dikenali sebagai "hari lahir Gereja" kerana pada hari itu para murid mula menjalankan misi membawa khabar gembira kepada dunia.

"Sebagai anak-anak Tuhan, Roh Kudus juga membantu kita menjadi berani melakukan kebaikan, berkata benar, membantu orang lain, dan mengasihi sesama manusia. Roh Kudus menolong kita supaya hidup seperti Yesus setiap hari.

Salam Sayang
Aunty Melly

Pentakosta
hari jadi Gereja
Mei 24, 2026

Mari Mewarna

MARI BELAJAR SABDA TUHAN!
Isi tempat kosong dengan memilih perkataan yang betul dalam kurungan. Warnakan gambar selepas siap!

Murid-murid sedang
(bernyanyi/berkumpul) dalam ketakutan, dengan pintu
(terkunci/terbuka). Tiba-tiba Yesus datang dan
(duduk/berdiri) di tengah-tengah mereka lalu berkata:
"..... (Damai/Hello) sejahtera bagi kamu."
Murid-murid pun bersukacita kerana melihat
(Tuhan/Maria).
(Yoh 20: 19-20)




Mari menepak! Ikut garisan putus-putus dengan pensel atau krayon.



Ketika tiba hari Pentakosta, mereka semua berkumpul bersama-sama di satu tempat (Kis 2:1-11)

Cari lapan perbezaan pada gambar di bawah.



BELIA



Bukan “saya” tetapi “KITA”

JOHOR BAHRU: “Tabahkan hatimu! Aku telah mengalahkan dunia” (Yohanes 16:33) merupakan tema yang telah menyentuh hati 74 mahasiswa Katolik dari universiti dan politeknik di Melaka dan Johor.

Baru-baru ini mereka berhimpun di Pusat Majodi, Plentong sempena *Malacca Johore Catholics Campus Day* kali kedua (MJCCD 2).

Program tersebut menjadi ruang pertemuan rohani yang menyentuh hati para peserta melalui doa, adorasi, perkongsian iman dan kebersamaan sebagai komuniti mahasiswa Katolik.

Salah satu momen yang paling memberi kesan ialah ketika Adorasi Sakramen Mahakudus dengan renungan mengenai Perumpamaan Penabur.

Walaupun petikan Injil itu sering didengar, suasana doa yang hening membuatkan peserta melihat sabda Tuhan dari sudut yang lebih mendalam

dan peribadi.

Mereka menyedari bahawa firman Tuhan tetap sama, namun manusia berubah dan semakin matang dalam memahami karya Tuhan dalam hidup mereka.

Antara perkongsian yang turut menyentuh hati peserta ialah peringatan bahawa setiap manusia masih dalam proses pembentukan.

Dunia ini juga sedang dibentuk oleh Tuhan sedikit demi sedikit. Tuhan tidak tergesa-gesa dalam karya-Nya, bahkan berehat pada hari ketujuh sebagai tanda bahawa pertumbuhan memerlukan masa, kesabaran dan kepercayaan kepada penyelenggaraan Ilahi.

Peserta turut diajak merenungkan kehidupan Rasul Petrus sebagai contoh bahawa Tuhan tetap berkarya melalui manusia yang lemah dan tidak sempurna.

Walaupun Petrus pernah menyang-

kal Yesus, tetapi Kristus tetap dipercayainya dan memanggil Petrus untuk memimpin Gereja.

Melalui kisah itu, para peserta diingatkan bahawa Tuhan tidak menuntut seseorang menjadi sempurna terlebih dahulu sebelum dipanggil untuk melayani.

Bagi mahasiswa senior yang bakal menamatkan pengajian, pertemuan itu turut membangkitkan rasa syukur dan sayang terhadap komuniti kampus yang telah menjadi sebahagian penting dalam perjalanan iman mereka.

Kehadiran ramai wajah baharu memberikan harapan bahawa pelayanan mahasiswa Katolik akan terus hidup dan berkembang pada masa hadapan.

Suasana persaudaraan semakin dirasai melalui sesi perkongsian malam, permainan komuniti dan aktiviti santai yang tetap diteruskan walaupun hujan turun.

Dalam kesederhanaan itu, para peserta menemukan kegembiraan, persahabatan dan sokongan antara satu sama lain.

Program ditutup dengan perayaan Ekaristi yang dipimpin oleh Uskup Bernard Paul. Dalam homilinya Bapa Uskup mengajak para peserta untuk mengenali Kristus sebagai Jalan, Kebenaran dan Hidup.

Beliau turut menegaskan bahawa golongan muda beriman membawa harapan kepada dunia melalui semangat pelayanan, penglibatan dalam masyarakat dan kesediaan untuk membantu sesama.

Sebagai penutup, Uskup Bernard mengingatkan para peserta dengan kata-kata, “Bukan saya, tetapi kita,” sebagai seruan agar iman yang diterima tidak hanya berhenti pada diri sendiri, tetapi menjadi berkat kepada komuniti dan Gereja.



SUBANG JAYA: Program “*Make A Difference*” (M.A.D), anjuran alumni CHOICE Bahasa Malaysia Kuala Lumpur ke-9 (CBMKL9), terus menjadi platform untuk menyemai nilai kasih, pelayanan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan golongan muda Katolik.

Program yang berlangsung pada April 11 lalu di Rumah K.I.D.S, Subang Jaya itu disertai 16 ahli termasuk Fr Michel Dass selaku penasihat rohani CBMKL.

Rumah tersebut menempatkan kanak-

kanak lelaki berusia antara 10 hingga 17 tahun daripada pelbagai latar belakang kehidupan yang mencabar.

Pelbagai aktiviti dijalankan sepanjang program termasuk bengkel Membina Impian bertemakan *Dream Big*, sesi permainan dan perkongsian pengalaman hidup bersama penghuni rumah tersebut.

Program itu bukan sahaja memberi peluang kepada peserta untuk berkongsi bantuan dan sokongan, tetapi juga memahami realiti kehidupan kanak-kanak

M.A.D PUPUK KASIH DAN KEPEDULIAN SOSIAL



yang memerlukan perhatian dan kasih sayang.

Penjaga Rumah K.I.D.S David Shama, melahirkan penghargaan atas kehadiran para peserta yang membawa semangat harapan dan sokongan emosi kepada anak-anak di rumah tersebut.

Salah seorang penganjur, Chris, turut berkongsi bahawa pengalaman itu mem-

buka hatinya untuk lebih menghargai perjuangan hidup dan tidak mudah berputus asa dalam mencapai impian.

Program tersebut diakhiri dengan suasana penuh persaudaraan dan menjadi pengalaman iman yang mengajak para peserta melihat kehadiran Tuhan melalui pelayanan kepada sesama. **Annathasia Michelle Tan (CBMKL-9)**

Berita singkat antarabangsa

Kristian dan Muslim diseru bina damai

VATIKAN: Sri Paus Leo XIV menyeru umat Kristian dan Muslim supaya bersama-sama menjadi pembawa belas kasih dan harapan dalam dunia yang semakin dingin terhadap penderitaan manusia.

Seruan itu disampaikan ketika Bapa Suci Leo menerima delegasi Institut Diraja Pengajian Antara Agama Jordan dan Dikasteri Dialog Antara Agama di Vatikan.

Menurut Sri Paus, kedua-dua agama berkongsi nilai penting seperti belas kasih, empati dan kepedulian terhadap golongan miskin serta mereka yang men-

derita.

Beliau mengingatkan bahawa sikap acuh tak acuh terhadap kesusahan manusia boleh melemahkan nilai kemanusiaan dan perpaduan sejagat.

Sri Paus turut mengajak umat Kristian dan Muslim untuk bekerjasama membina dunia yang lebih damai melalui dialog, solidariti dan saling menghormati. Prelatus itu menegaskan bahawa agama harus menjadi sumber harapan dan perdamaian, bukannya punca perpecahan atau permusuhan. Media Vatikan



Wesak 2026: Bersama membina perdamaian

VATIKAN: Menjelang sambutan Hari Wesak 2026, Vatikan melalui Dikasteri untuk Dialog Antara Agama menyeru penganut Buddha dan Kristian agar bersama-sama menjadi "pembina damai" dalam dunia yang semakin dipenuhi konflik, kebencian dan perpecahan.

Dalam mesej tahunan kepada komuniti Buddha sedunia itu, Vatikan menegaskan bahawa damai sejati bukan sekadar ketiadaan peperangan, tetapi satu anugerah yang lahir daripada hati manusia — melalui belas kasih, dialog, kesabaran dan perubahan dalaman.

Mesej tersebut ditandatangani oleh Kardinal George Jacob Kookavakad bersama Setiausaha Dikasteri, Monsignor Indunil Janakarathne Kodithuwakku Kankanamalage, sempena perayaan Wesak yang memperingati kelahiran, pencerahan dan wafat Buddha.

Memetik perutusan Sri Paus Leo XIV untuk Hari Keamanan Sedunia 2026, Vatikan mengingatkan bahawa "damai itu wujud dan ingin tinggal dalam diri manusia."

Damai, menurut mesej tersebut, memiliki kuasa lembut yang mampu melawan keganasan dan membuka hati manusia kepada pengertian yang lebih mendalam.

Walaupun dunia hari ini dibayangi peperangan, nasionalisme agama dan manipulasi agama untuk kepentingan tertentu, Vatikan menegaskan bahawa tradisi keagamaan tidak seharusnya menjadi punca perpecahan.

Sebaliknya, agama dipanggil untuk menjadi jalan penyembuhan dan perdamaian.

Dalam mesej itu, Vatikan turut mengetengahkan ajaran Buddha yang menekankan bahawa kebencian tidak akan berakhir dengan kebencian, tetapi melalui kasih dan belas ihsan.

Ajaran tersebut disejajarkan dengan sabda Yesus dalam Injil yang menyeru umat agar mengasihi musuh dan menjadi pembawa damai.

Menurut Vatikan, kedua-dua tradisi agama itu berkongsi nilai yang sama dalam membentuk damai yang bermula daripada hati manusia sebelum mampu men-

gubah dunia di sekeliling.

Mesej itu juga mengingatkan bahawa keamanan tidak akan tercapai hanya melalui kata-kata atau persidangan, tetapi melalui tindakan harian yang sederhana — seperti kesabaran, pengampunan, menolak balas dendam serta keberanian untuk terus berharap walaupun keadaan kelihatan mustahil untuk dipulihkan.

Vatikan turut menyeru para pemimpin agama supaya menjadi saksi perdamaian yang sejati melalui dialog, kerjasama dan usaha membina semula kepercayaan dalam masyarakat.

Setiap komuniti agama, katanya, harus menjadi tempat di mana permusuhan dikalahkan melalui pertemuan, keadilan dan belas kasih.

Pada akhir mesej itu, Vatikan menyatakan harapan agar sambutan Wesak tahun ini menjadi peluang untuk penganut Buddha dan Kristian berjalan bersama sebagai saksi damai yang mampu menyembuhkan luka kemanusiaan dan membuka harapan baharu kepada dunia. **Media Vatikan**

Patung Maria dihina, umat Kristian tersinggung

BEIRUT: Kemarahan dan kesedihan tercetus dalam kalangan komuniti Kristian selepas tersebarnya gambar seorang askar Israel meletakkan sebatang rokok pada mulut patung Bonda Maria di selatan Lubnan.

Insiden itu berlaku di kampung Debel, sebuah kawasan majoriti Kristian berhampiran sempadan Israel.

Gambar itu tular di media sosial dan mengundang kecaman daripada pemimpin agama serta masyarakat antarabangsa yang menyifatkan tindakan itu sebagai penghinaan terhadap simbol suci Kristian.

Tentera Israel memaklumkan bahawa siasatan telah dijalankan dan tindakan disiplin akan dikenakan terhadap askar terbabit.

Pihak tentera turut menegaskan bahawa mereka menghormati kebebasan beragama serta tempat suci semua agama.

Kejadian tersebut berlaku hanya beberapa minggu selepas satu lagi kontroversi apabila seorang askar Israel dirakam memusnahkan patung Yesus di kampung yang sama.

Isu ini telah menambah lagi kebimbangan komuniti Kristian di selatan Lubnan yang sudah lama terkesan akibat konflik berterusan di rantau tersebut. **UCA News**

Jaga bumi sebagai pelayanan iman

VATIKAN: Sri Paus Leo XIV mengingatkan bahawa menjaga alam ciptaan Tuhan bukan sekadar tanggungjawab moral, tetapi satu pelayanan demi kebaikan bersama dan perdamaian dunia.

Seruan itu disampaikan ketika menerima rombongan Yayasan Edith Haberland-Wagner dan wakil kilang bir Augustiner-Bräu dari Jerman di Vatikan.

Dalam ucapannya, Sri Paus menyentuh warisan spiritual Santo Agustinus yang menekankan bahawa setiap bakat dan anugerah Tuhan harus digunakan untuk

melayani sesama manusia.

Bapa Suci turut mengingatkan ajaran Sri Paus Fransiskus dalam ensiklik *Laudato Si'* mengenai tanggungjawab manusia memelihara alam ciptaan dengan bijaksana dan adil.

Tambahnya, penggunaan sumber alam secara bertanggungjawab penting demi keamanan dan kesejahteraan bersama. Beliau menggalakkan umat agar terus memupuk budaya menghormati alam sekitar dalam kehidupan harian serta pekerjaan mereka. **Media Vatikan**

Gereja India bersatu pertahan kebebasan beragama

KERALA: Gereja-gereja di India bersatu menubuhkan Persekutuan Kebangsaan Gereja-Gereja India (NFCI) sebagai usaha menghadapi peningkatan serangan dan diskriminasi terhadap komuniti Kristian di negara itu. Gabungan tersebut menghimpunkan Gereja Katolik, Protestan dan pelbagai denominasi Kristian lain.

Para pemimpin Gereja menyatakan kebimbangan terhadap serangan terhadap paderi, pastor

dan umat Kristian, termasuk dakwaan penyalahgunaan undang-undang anti-penukaran agama di beberapa negeri. Mereka turut menegaskan bahawa perpaduan amat penting bagi mempertahankan kebebasan beragama dan hak minoriti. Gabungan itu juga berhasrat memperkukuh dialog, bantuan undang-undang dan sokongan pastoral kepada komuniti yang terkesan akibat keganasan. **UCA News**

Sri Paus doakan semua ibu

VATIKAN: Sri Paus Leo XIV mengajak umat terus hidup dalam kasih Kristus yang menyatukan manusia sebagai saudara.

Dalam doa *Regina Caeli*, beliau turut menyampaikan salam persahabatan kepada Gereja Ortodoks Koptik sempena Hari Persahabatan Katolik-Koptik.

Sri Paus juga berterima kasih

kepada penduduk Kepulauan Canary atas bantuan dan keprihatinan mereka terhadap penumpang kapal yang dijangkiti hantavirus. Selain itu, beliau mengajak umat mendoakan semua ibu sempena Hari Ibu, khususnya mereka yang sedang menghadapi kesusahan, kesakitan dan kehilangan. **Media Vatikan**

JP II: Luka dan Pengampunan

VATIKAN: Tarikh Mei 13, 1981 kekal dikenang sebagai detik mengejutkan dalam sejarah Gereja Katolik apabila Sri Paus Yohanes Paulus II (JP II) ditembak di Dataran Santo Petrus ketika sedang menyapa umat semasa Audiensi Umum mingguan.

Serangan itu dilakukan oleh Mehmet Ali Ağca dari jarak dekat, menyebabkan Sri Paus mengalami kecederaan serius sebelum dikejarkan ke Hospital Gemelli untuk menjalani pembedahan kecemasan.

Kejadian tersebut mengejutkan dunia dan meninggalkan kesan mendalam kepada umat Katolik. Walaupun berdepan penderitaan, Sri Paus Yohanes Paulus II memilih untuk mengampuni lelaki yang menembaknya.

Sikap beliau kemudian menjadi simbol iman, belas kasih dan pengampunan Kristian. Peristiwa itu berlaku tepat pada hari peringatan Bonda Maria dari Fatima.

Sri Paus Yohanes Paulus II percaya



bahawa beliau terselamat melalui perlindungan istimewa Bonda Maria.

Beliau pernah berkata bahawa "satu tangan melepaskan peluru, satu lagi memberi arah peluru itu."

Sebagai tanda syukur, beliau kemudian mempersembahkan serpihan peluru tersebut untuk ditempatkan pada mahkota patung Bonda Maria Fatima di Portugal.

Sempena ulang tahun ke-45 kejadian itu, Sri Paus Leo XIV turut ber-

doa di lokasi serangan sambil mengajak umat mempercayakan dunia kepada perlindungan Bonda Maria, khususnya bagi negara-negara yang sedang dilanda peperangan dan penderitaan.

Beliau turut mengingatkan bahawa mesej Fatima tetap relevan hingga hari ini, terutama seruan untuk berdoa, bertobat dan membina perdamaian dalam dunia yang semakin dipenuhi keganasan, kebencian dan ketidakpastian. **Media Vatikan**

VATIKAN: Dalam Audiensi Umum mingguan di Dataran Santo Petrus, Sri Paus Leo XIV menjelaskan bahawa misteri Gereja terpancar secara istimewa dalam diri Perawan Maria.

“Dalam diri Maria, umat Tuhan memunculkan gambaran asal-usul mereka, teladan kehidupan mereka dan juga rumah rohani mereka,” kata Sri Paus dalam katekesisnya.

Sri Paus menambah bahawa dalam diri Bonda Tuhan, Gereja merenungkan misterinya sendiri. Gereja melihat Maria bukan sahaja sebagai contoh iman yang murni, kasih keibuan dan kesatuan perjanjian dengan Tuhan, tetapi juga sebagai gambaran sempurna tentang apa yang dipanggil untuk menjadi diri Gereja.

Sri Paus Leo XIV meneruskan siri katekesisnya mengenai dokumen-dokumen Konsili Vatikan II dengan memberi tumpuan sekali lagi kepada Konstitusi Dogmatik tentang Gereja, *Lumen Gentium* (Terang Bangsa-Bangsa), khususnya bab terakhir yang membicarakan tentang Perawan Maria.

Adakah aku meminta bantuan Maria?

Dalam menjelaskan bagaimana Bonda Maria menjadi teladan bagi Gereja, Sri Paus mengajak umat beriman untuk memohon pertolongannya.

“Kita hendaklah memohon agar melalui doanya, Maria membantu kita menjawab panggilan Tuhan sebagaimana yang ditunjukkan dalam teladannya,” ujar beliau.

Bapa Suci kemudian mengemukakan beberapa pertanyaan untuk renungan umat: “Adakah aku menghayati keterlibatanku dalam Gereja dengan iman yang rendah hati dan aktif? Adakah aku menyedari bahawa Gereja ialah komuniti umat yang dipersatukan dalam perjanjian dengan Tuhan sebagai jawapan terhadap kasih-Nya yang tidak terbatas?”

Adakah aku benar-benar merasakan diriku sebahagian daripada Gereja yang hidup, dengan taat kepada para gembala yang ditetapkan Tuhan? Adakah aku memandang Maria sebagai teladan, anggota unggul dan ibu Gereja, serta



Maria ikon misteri Gereja

memohon bantuannya agar aku menjadi murid yang setia kepada Puteranya?”

Teladan, anggota dan ibu Gereja

Memetik *Lumen Gentium*, Sri Paus menjelaskan bahawa Gereja mengiktiraf Maria sebagai “teladan, anggota paling unggul dan ibu kepada seluruh komuniti Gereja.”

Dibentuk oleh rahmat Tuhan dan menerima Yesus melalui iman serta kasihnya yang murni, Maria menjadi gambaran sempurna tentang apa yang dipanggil untuk menjadi diri Gereja.

Menurut Sri Paus, Maria ialah “seorang insan yang mendengar Sabda Tuhan dan melahirkan anak-anak Tuhan melalui ke-taatan kepada karya Roh Kudus.”

Bapa Suci turut menegaskan bahawa Maria merupakan anggota Gereja yang paling unggul kerana beliau ialah “orang beriman yang sempurna”, yang membuka dirinya sepenuhnya kepada misteri ilahi

tanpa syarat.

Pada masa yang sama, Maria juga ialah ibu kepada seluruh Gereja kerana melalui Kristus, beliau “melahirkan anak-anak rohani”.

Oleh itu, semua umat beriman boleh datang kepadanya dengan keyakinan seorang anak terhadap ibu, percaya bahawa mereka didengari, dilindungi dan dikasihi. Wanita yang menjadi ikon misteri Sri Paus kemudian merumuskan ketiga-tiga peranan itu dengan menyifatkan Maria sebagai “wanita yang menjadi ikon Misteri.”

Beliau menjelaskan bahawa perkataan “wanita” menegaskan realiti sejarah Maria sebagai seorang wanita Israel yang dipilih untuk menjadi ibu kepada Yesus. Manakala istilah “ikon” pula menunjukkan bagaimana dalam diri Maria terserlah pilihan kasih Tuhan yang tanpa syarat serta persetujuan imannya yang bebas dan penuh ketaatan kepada Tuhan. **Media Vatikan**

Jus rohani untuk jiwa

Mimpi besar!

“*Dream big*” atau mimpi besar bermaksud berani mempunyai impian besar bersama Tuhan, bukan sekadar tentang kekayaan atau kejayaan duniawi.

Dalam konteks Katolik, ia membawa maksud: jangan takut mempunyai cita-cita besar untuk hidup yang bermakna, percaya Tuhan mampu melakukan perkara besar melalui hidup kita, tidak hidup sekadar “cukup makan” secara rohani, berani mengasahi, melayani dan memberi harapan kepada dunia.

Dalam iman Katolik, “*dream big*” juga sering dikaitkan dengan: mempercayai panggilan Tuhan, berani keluar dari ketakutan, dan tidak membiarkan dunia mematikan harapan atau impian seseorang.

Tokoh Gereja yang paling terkenal menggunakan ungkapan “mimpi besar” ialah Sri Paus Fransiskus.

SEPULUH PERKARA “DREAM BIG” DALAM KEHIDUPAN KATOLIK

1. Berani menjadi kudus

Kekudusan bukan hanya untuk santo-santa besar, tetapi untuk semua orang. Bermimpi besar dalam iman bermaksud berusaha hidup dekat dengan Tuhan setiap hari.

2. Membawa orang lain mengenal Yesus

Seorang Katolik dipanggil menjadi terang dunia. Kadang-kadang melalui senyuman, pelayanan kecil, atau kata-kata yang

menguatkan hati orang lain.

3. Percaya Tuhan mempunyai rancangan besar

Walaupun hidup penuh cabaran, Tuhan mampu memakai kelemahan manusia untuk sesuatu yang indah dan bermakna.

4. Berani melayani tanpa takut

Membantu orang miskin, orang sakit, warga emas atau mereka yang terluka secara emosi ialah cara nyata menghidupi Injil.

5. Tidak takut gagal

Dalam iman Katolik, kegagalan bukan pengakhiran. Tuhan sering membentuk manusia melalui kejatuhan, air mata dan proses pertumbuhan.

6. Mempunyai hati yang penuh belas kasih

Bermimpi besar bukan sekadar mahu berjaya, tetapi mahu menjadi manusia yang lebih mengasahi dan mengampuni.

7. Menggunakan bakat untuk kemuliaan Tuhan

Menulis, menyanyi, mengajar, memasak, melukis atau bekerja — semuanya boleh menjadi pelayanan apabila dilakukan dengan kasih dan kejujuran.

8. Membina keluarga yang berdoa

Salah satu impian terbesar ialah mempunyai keluarga yang saling mengasahi, berdoa bersama dan meletakkan Tuhan



sebagai pusat kehidupan.

9. Menjadi pembawa harapan

Dunia hari ini mudah dipenuhi kebencian dan putus asa. Orang Katolik dipanggil menjadi suara harapan dan damai.

10. Menuju syurga sebagai tujuan utama

Dream big yang paling besar dalam iman Katolik ialah hidup bersama Tuhan untuk selama-lamanya. Kejayaan dunia penting, tetapi keselamatan jiwa lebih utama.

“Bagi manusia hal itu mustahil, tetapi bagi Tuhan segala sesuatu mungkin.” (Matius 19:26) **Aletheia**

PENULIS BERKICAU

Bukan tentang banyak atau sedikit

Ramai orang pernah berasa penat untuk terus menderma untuk Gereja. Ada yang mula tertanya-tanya, “Mengapa asyik kita yang memberi?” atau “Kalau saya sendiri susah, adakah Tuhan masih meminta saya membantu orang lain?”

Perasaan itu manusiawi. Namun dalam iman Katolik, menderma bukan sekadar soal wang, tetapi soal kasih dan hati yang rela berkongsi.

Kitab Suci berkali-kali mengingatkan bahawa Tuhan melihat bukan pada jumlah yang diberikan, tetapi kasih di sebalik pemberian itu.

Yesus sendiri memuji seorang balu miskin yang hanya memberikan dua keping syiling kecil kerana dia memberi daripada kekurangannya, bukan daripada lebih hidupnya.

Di mata dunia, pemberiannya kecil. Namun di mata Tuhan, itulah pemberian yang besar kerana lahir daripada iman dan pengorbanan.

Kadangkala manusia menjadi penat menderma kerana berasa tidak dihargai. Ada juga yang kecewa apabila melihat orang menyalahgunakan bantuan atau ketika hidup sendiri semakin terbeban dengan kos kehidupan yang tinggi.

Dalam keadaan seperti itu, hati mudah menjadi letih. Tetapi Gereja mengajar bahawa setiap perbuatan kasih yang dilakukan dengan tulus tidak pernah sia-sia di hadapan Tuhan.

Mungkin manusia tidak nampak nilainya, tetapi Tuhan melihat semuanya. Namun, ini tidak bermaksud seorang Katolik perlu memaksa diri sehingga mengabaikan keluarga atau keperluan sendiri.

Jika seseorang miskin atau sedang bergelut untuk hidup, Tuhan tidak meminta sesuatu yang di luar kemampuan mereka. Menderma bukan hanya tentang wang.

Ada orang memberi masa untuk melawat orang sakit. Ada yang memberi tenaga membantu di gereja. Ada yang memberi perhatian kepada orang yang kesepian. Ada juga yang hanya mampu memberi doa.

Semua itu tetap berharga. Sebenarnya, orang miskin juga memahami makna memberi dengan lebih mendalam.

Mereka tahu bagaimana rasanya lapar, susah dan memerlukan pertolongan. Kerana itu, kadangkala mereka lebih mudah memiliki belas kasihan.

Dalam banyak keadaan, mereka yang tidak memiliki banyak harta sering menjadi orang yang paling murah hati.

Menderma juga melatih hati manusia supaya tidak terlalu terikat kepada wang dan dunia. Dunia hari ini sering mengajar manusia untuk mengumpul sebanyak mungkin demi diri sendiri.

Tetapi Injil mengajar sesuatu yang berbeza: kasih bertumbuh apabila dikongsi. Semakin manusia belajar memberi, semakin hati menjadi lembut dan terbuka kepada Tuhan.

Walaupun begitu, Gereja juga memahami bahawa manusia boleh menjadi letih secara emosi dan rohani. Jika seseorang berasa penat untuk terus memberi, mungkin dia memerlukan masa untuk berehat, berdoa dan memulihkan hati. Tuhan tidak mahu manusia memberi dengan terpaksa atau penuh kemarahan.

Akhirnya, menderma bukan tentang menjadi kaya atau miskin. Ia tentang kesediaan untuk mengasahi walaupun sedikit.

MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian kita.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Kita boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my atau

WhatsApp: 011-26391498



Perhimpunan Jubli satukan empat cabang keluarga Fransiskan Sabah

PAPAR: Sempena sambutan Jubli Fransiskan ke-800 tahun, seluruh keluarga Fransiskan di Sabah berhimpun baru-baru ini untuk mengeratkan tali persaudaraan melalui formasi rohani, ziarah iman dan majlis persaudaraan.

Program sehari yang berlangsung di Pusat Retret Pace Bene itu menghimpunkan pelbagai cabang Keluarga Fransiskan iaitu Ordo Pertama, *Order of Friars Minor* (OFM), Ordo Kedua, *Poor Clares*, Ordo Ketiga Religius, *Franciscan Sisters of the Immaculate Conception* (FSIC), serta Ordo Fransiskan Sekular (OFS).

Sesi formasi telah disampaikan oleh Friar Gerald Saimel OFM daripada Ordo Pertama, dengan memberi penekanan terhadap identiti serta spiritualiti Fransiskan dalam konteks kehidupan masa kini.

Antara pengisian yang diketengahkan ialah pemeriksaan batin (*examination*



of conscience), yang mengundang para peserta untuk menilai diri secara jujur di hadapan Tuhan, membaharui hati dan mendalami kehidupan rohani menurut

teladan Santo Fransiskus.

Sesi ini disusuli dengan ruang soal jawab yang membuka peluang kepada para peserta untuk meluaskan pemahaman serta memperkukuh penghayatan mereka terhadap panggilan hidup Fransiskan.

Kehadiran para suster daripada *Poor Clares* dari Keuskupan Keningau turut menambahkan makna perhimpunan ini sebagai ungkapan nyata persekutuan dalam Keluarga Fransiskan.

Selain sesi formasi, para peserta juga mengikuti aktiviti ziarah di sekitar Pace Bene dan Konven St Mary of the Angels.

Ziarah ini mengajak para peserta merenung kembali mesej kerohanian bahawa syurga bukanlah soal kesunyian, melainkan tentang komunikasi dan usaha yang gigih untuk mengasihi sesama.

Menurut Friar Gerald, kehadiran Tuhan tidak hanya dirasai dalam detik-detik luar

biasa, tetapi juga dalam detik kegelapan hidup.

Beliau menegaskan bahawa perlindungan sejati ditemukan apabila manusia membuka ruang untuk saling berkomunikasi, mendengar dan mengasihi dalam semangat persaudaraan.

Program kemudiannya diteruskan dengan perayaan Misa Kudus pada pukul 6.00 petang yang dipimpin oleh Friar Gerald.

Selepas Misa, empat cabang keluarga Fransiskan ini meneruskan acara dengan jamuan makan malam.

Perhimpunan ini bukan sahaja mengeratkan persaudaraan keluarga Fransiskan, tetapi turut memperbaharui komitmen peserta untuk menghayati semangat Santo Fransiskus melalui kehidupan Injil, pelayanan pastoral dan persaudaraan. **Evelyn Justin**



Pejuang kanser didakap dalam iman

KUALA LUMPUR: Dalam suasana doa, harapan dan kekuatan iman, Katedral St John the Evangelist dengan sokongan kumpulan *Sisters in Christ* telah menghimpunkan pesakit serta bekas pesakit kanser Katolik dari pelbagai paroki sempena Pesta Sto Peregrine, santo penaung bagi mereka yang menderita akibat kanser. Program yang diadakan pada Mei 2 itu dimulakan dengan doa rosari sebelum Misa Kudus.

Misa Kudus dipimpin oleh paderi paroki, Fr Gerard Theraviam. Dalam homilinya, Fr Gerard berkongsi pengalaman peribadi menjaga ibunya yang berjuang melawan kanser selama tiga tahun sebelum meninggal dunia.

Menurut beliau, penderitaan akibat penyakit itu bukan hanya dirasai pesakit, tetapi turut menyentuh seluruh keluarga dan komuniti di sekeliling mereka.

Namun di sebalik kesakitan dan ketidakpastian, perjalanan itu akhirnya menjadi masa pertumbuhan rohani yang mendalam serta mengajar mereka untuk semakin bergantung kepada Tuhan.

Fr Gerard mengingatkan umat agar tidak tenggelam dalam rasa kasihan terhadap diri sendiri, sebaliknya terus menaruh

harapan kepada Tuhan yang mampu mengubah setiap penderitaan manusia untuk kemuliaan-Nya.

Memetik kata-kata Nabi Yesaya 49:6, Fr Gerard menegaskan bahawa Tuhan memanggil umat-Nya menjadi terang kepada bangsa-bangsa supaya keselamatan-Nya sampai ke seluruh dunia. Memetik surat apostolik *Salvifici Doloris* oleh Sto Yohanes Paulus II dan Kolose 1:24, Fr Gerard menjelaskan makna "penderitaan yang membawa penebusan".

Tegasnya, umat Kristian dipanggil menyatukan penderitaan mereka dengan penderitaan Kristus sendiri.

Merujuk kepada Roma 8:16-17, beliau mengingatkan bahawa sebagai anak-anak Tuhan, umat juga dipanggil berkongsi penderitaan Kristus supaya dapat turut mengambil bahagian dalam kemuliaan-Nya. "Salib adalah sebahagian daripada kehidupan. Tetapi apabila kita memeluk salib itu bersama Yesus, kita akan



menyedari bahawa Tuhan tidak pernah meninggalkan kita," kata Fr Gerard.

Selepas Misa, para peserta meluangkan masa bersama dalam sesi perkongsian apabila tiga orang wanita berkongsi mengenai perjalanan mereka dalam menghadapi kanser dan bagaimana iman menjadi sumber kekuatan untuk terus bertahan.

Salah seorang daripada mereka, Emma (bukan nama sebenar) berkongsi bahawa hidupnya berubah selepas disahkan menghidap kanser metastatik pada Januari 2023.

Berpegang pada Yesaya 41:10 dan Amsal 3:5, beliau belajar menyerahkan ketakutan serta kebimbangan kepada Tuhan, lalu mengalami damai dan ketenangan sepanjang rawatan.

Emma turut bersyukur kerana dapat menjalani kemoterapi tanpa kesan sampingan, yang dianggapnya sebagai rahmat hasil doa dan iman yang teguh.

Walaupun masih meneruskan rawatan, beliau memilih untuk hidup penuh syukur dan percaya Tuhan sentiasa menyertainya.

Program ini menyedarkan umat bahawa kanser masih menjadi antara penyakit yang paling menakutkan bagi ramai orang. Namun apabila dilalui bersama dalam semangat iman dan saling menyokong, seorang pesakit dapat dibantu serta mendapat penghiburan.